

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, April 4, 2017 4:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: 28 USAHAWAN PELAJAR CAS MENYERTAI BENGKEL USAHAWAN UCI DI PULAU PINANG



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

04 APRIL 2017 | 07 REJAB 1438 H

=====

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

28 USAHAWAN PELAJAR CAS MENYERTAI BENGKEL USAHAWAN UCI DI PULAU PINANG

Seramai 28 usahawan dari Pusat Pengajian X (SCIMPA), Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), dan Pusat Pengajian Multimedia (SMMT) College of Arts and Sciences (CAS) telah menyertai Bengkel Inkubator Usahawan Kreatif Utara (UCI) di Hotel Flamingo, Pulau Pinang. Bengkel yang berjalan selama empat hari ini telah bermula pada 31/3/2017 hingga 2 April 2015 bertujuan untuk membimbing peserta tentang tata cara menubuhkan sebuah syarikat perniagaan dengan cara yang betul.



Semasa bengkel, para peserta diberi penerangan berkenaan dengan idea perniagaan, menyediakan dan mempersembahkan *Business Model Canvas* yang berkesan, teknik jualan dan pemasaran yang betul, penyediaan dokumen perniagaan, dan teknik mendapatkan pelanggan secara *crowd sourcing*. Selain itu, para peserta berpeluang menerokai kemampuan, keyakinan dan keterampilan diri sebagai usahawan melalui pelbagai bentuk aktiviti seperti persembahan kumpulan, persembahan individu, lakonan, aktiviti hands on, dan pertandingan antara kumpulan. Di dalam bengkel ini, peserta telah diserahkan kepada mentor masing-masing mengikut syarikat yang akan ditubuhkan. Terdapat sembilan buah kumpulan dengan idea perniagaan yang berbeza seperti iaitu NYY Exclusive (peniagaan shawl), Kertas Renyuk Production (rekabentuk grafik), Daehaphotography (Fotografi), Unknown Co.

(rekabentuk grafik), Mobile apps northern alternative (M.A.N.A) (pembangunan aplikasi mudah alih), Oneng Digital Studio (produksi video), Qafi Printing (percetakan kaligrafi), Gaffer Creative Services (produksi skrip), dan Roll a Dice Tribe Production (peneditan video).

Salah satu daripada slot bengkel ini ialah perkongsian pengalaman daripada usahawan iaitu En. Ahmad Najmi Amerhaider Nuar dari syarikat Learn Academy yang merupakan seorang usahawan yang lahir daripada program keusahawanan seperti UCI. Beliau telah berkongsi pengalamannya tentang susah payah membangunkan *spin-off company* dan di antara nasihatnya ialah semua usahawan perlulah berdisiplin terutamanya dari segi pegurusan kewangan, mempunyai perjanjian dengan rakan kongsi, dan jangan mulakan perniagaan dengan meminjam wang dari bank.

UCI adalah program pengalaman berasaskan 'dunia perniagaan sebenar' yang berupaya memberi pendedahan kepada bakal usahawan kepada konteks perniagaan bagi membolehkan mereka meningkatkan kemahiran secara spesifik serta memperkembangkan kerjaya mereka. Program yang ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi ini melalui kerjasama Institut Pembangunan Usahawan dan Koperasi (CEDI) dikendalikan oleh Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM CAS akan berjalan selama 12 bulan dan akan berakhir pada October 2017. Selepas ini, para peserta UCI akan dipadankan dengan rakan industri yang sama dengan perniagaan mereka dan akan bepeluang melawat organisasi tersebut.

Sekian.

Sekian dan harap maklum.

=====
Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.